

PM pertahankan kenyataan

LANGKAWI 6 Okt.— Perdana Menteri tetap mempertahankan kenyataannya bahawa di zaman Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan, keadaan ekonomi tidak baik manakala kadar pengangguran berada di tahap yang tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keadaan ekonomi pada masa sekarang jauh lebih baik dari zamannya (Tengku Razaleigh).

“Pada zaman Ku Li (Tengku Razaleigh), hutang negara meningkat, pertumbuhan ekonomi tidak begitu baik manakala kadar pengangguran pula begitu tinggi.

“Kenyataan ini terbukti sebagaimana dalam laporan ekonomi negara pada masa itu,” katanya kepada para pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi projek hotel KUB dan Sekolah Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan, Institut Teknologi Tun Abdul Razak (IPTAR) di sini hari ini.

Beliau memberitahu demikian sebagai mengulas kenyataan balas Tengku Razaleigh hari ini yang berkata, prestasi ekonomi negara lebih baik semasa beliau memegang jawatan Menteri Kewangan berbanding sekarang.

Lesen

Selain itu, Perdana Menteri berkata, semasa beliau memegang jawatan itu, Tengku Razaleigh pernah menjanjikan wang sebanyak RM300,000 dan lesen bank kepada UMNO Selangor bagi menarik popularitinya menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1987.

Mengenai penafian Tengku Razaleigh bahawa dia tidak pernah membuat kenyataan memburuk-burukkan negara melalui siaran televisyen di Australia, Dr. Mahathir mencaibarnya bahawa kerajaan bersedia menayangkan program tersebut kepada

Presiden Semangat 46 itu jika dia benar-benar ingin melihatnya.

Beliau menambah, Tengku Razaleigh telah memburuk-burukkan negara dengan pelbagai tuduhan termasuk negara korup sedangkan hampir kesemua negara di Eropah terlibat dengan rasuah.

“Kenapa kita nak memburukkan negara sendiri, sedangkan negara luar menghormati kita,” tegasnya.

Mengenai kesediaan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, untuk berundur bagi memberi peluang kepada generasi muda memimpin negeri itu, Perdana Menteri berkata, dalam sebuah negara yang demokrasi tidak ada sesiapa yang kekal.

“Semua orang bersedia beri peluang kepada generasi muda... saya juga bersedia untuk bagi pada generasi baru kalau itu yang dikehendaki, tetapi kita tidak perlu tolak sesiapa...” tegasnya.